

03 APR 1998

Badminton-Terbuka Kelantan

ONG EWE HOCK MARA KE PUSINGAN KETIGA

KOTA BAHARU, 3 April (Bernama) -- Pemain pilihan pertama, Ong Ewe Hock menepati ramalan apabila berjaya melayakkan diri ke pusingan ketiga setelah menang mudah ke atas Ali Aziz dari Johor pada Kejohanan Badminton Sirkuit Terbuka Kelantan di Dewan Persatuan Badminton Kelantan di sini, hari ini.

Naib Juara Seluruh England itu menang mudah 15-3, 15-4 dalam masa 20 minit untuk menjinakkan Ali yang ternyata kurang berpengalaman.

Ewe Hock yang ditemui selepas perlawanan itu mengakui gagal mempamerkan persembahan baik pada perlawanan itu kerana keadaan gelanggang yang agak licin dan dewan panas, mengganggu rentak permainannya.

Mengenai peluang menjadi juara setelah pilihan kedua kejohanan, Yong Hock Kin menarik diri semalam, Ewe Hock berkata keadaan itu tidak memberi kelebihan kepadanya kerana terdapat pemain lain seperti pilihan ketiga Wong Ewe Mun yang juga bermain dengan baik setakat ini. Mereka dijangka bertemu pada perlawanan akhir Ahad ini.

"Apa yang penting, kejohanan ini saya anggap sebagai persediaan awal saya sebelum bertarung pada Piala Thomas, Mei depan," katanya.

Perlawanan pagi ini juga menyaksikan Ewe Mun menang mudah ke atas Hoo Kin Thye (Terengganu) dengan 15-5, 15-7.

Sementara itu pemain Selangor, Sidney Michael mengejutkan pilihan 4/5, Loh Ah Heng 15-5, 15-9.

Ewe Hock akan bertemu Ng Kean Kok (BAM) pada pusingan ketiga malam ini manakala Ewe Mun bertemu Lim Theam Teow (BAM).

Turut berlangsung pagi ini ialah kategori perseorangan wanita remaja bawah 18 tahun. Perlawanan akan disambung petang dan malam ini.

Kategori beregu lelaki, wanita dan campuran akan bermula pagi esok di dewan yang sama. Kejohanan itu menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan RM14,000.

KEPUTUSAN SEHINGGA PUKUL 12 TENGAH HARI

=====

PERSEORANGAN LELAKI: Ong Ewe Hock (BAM) mn Ali Aziz (Jh) 15-3, 15-4; Ng Kean Kok (BAM) mn Sairul Amar (Pr) 18-13, 12-15 dan 17-14; Sidney Michael (Sl) mn Lo Ah Heng (BAM) 15-5, 15-9; Foo Yoon Keang (BAM) mn Amar Hashim (Pr) 15-8, 15-13; Wong Ewe Mun (BAM) mn Hoo Kin Thye (Tr) 15-5, 15-7; Lim Theam Teow (BAM) mn Mahathir Mustafa (BAM) 15-12, 15-3; Jason Wong (BAM) mn Quek Kee Koon (Kn) 15-8, 15-14; Yap Jong Jyen (BAM) mn Ng Kam Fook (Pp) 15-9, 15-3.

Yeoh Kay Bin (BAM) mn Kamaruddin Harun (Jh) 15-3, 15-5; Ramesh Nathan (BAM) mn Md Hamijuwari (Sl) 15-11, 15-2; Lee Tsuen Seng (BAM) mn Chong Chi How (Kn) 15-11, 15-6; Wong Choon Han (BAM) mn Rossizaidi Wahab (Pg) 15-0, 15-3; P Kantharoopan (BAM) mn Makhazim Mohamad (Pr) 2-15, 15-9, 15-1; James Chua (BAM) mn Adi Sumirat (Sl) 15-13, 15-5; Siew Yien Wai (BAM) mn A. Razak Ibrahim (Jh) 15-5, 8-15, 15-2; dan Wan Ahmad Khairul (Kn) menang percuma.

PERSEORANGAN WANITA REMAJA: Woo Pui Kuan (Kl) mn Tham Wai Soe (Pk) 11-5, 11-2; Sutheawari (BAM) mn Tan Seok Wei (Pg) 11-5, 11-10; Chong Ngan Fan (BAM) mn Karen Au Mun (Mk) 11-7, 11-4; Rashien Rahim (Kn) mn Ng Guek Luan (Pg) 11-4, 11-2; Hemalatha (BAM) mn Cindy Lim (Mk) 0-11, 12-9, 11-10; Teo (Pk) 6-11, 11-3, 11-1; Chin Ei Hui (Pg) mn Le Au Hui

Ooi Chia Ho (Kd) mn Cheah Kah Ling (BAM) 11-9, 11-8; Ying Ling (Pk) mn

Goh Yuan Siew (Mk) 11-8, 11-4; Wong Pei Ty (Sl) mn Yong Siew Wai (Kn) 11-4,
11-2; Mee Fen (BAM) mn Justine Annetie (Mk) 11-1, 11-1. -- BERNAMA
ZI ZB